

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU****PEPERIKSAAN AKHIR****SEMESTER II SESI 2018/2019 (SARJANA MUDA)**

KURSUS	: KENEGARAAN MALAYSIA
KOD KURSUS	: NCC3053/NCC2002
TARIKH	: 12 JUN 2019 (RABU)
TEMPAT	: DSM/DS1-01/BK4-04
MASA	: 9.00 – 11.00 PAGI (2 JAM)

NO. MATRIK	: _____
NAMA PROGRAM	: _____
NO. MEJA	: _____

ARAHAN KEPADA CALON

- i. Sila jawab semua soalan.
- ii. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGIDUA PULUH TIGA (23) MUKA SURAT BER CETAK

Sila Pilih jawapan yang paling tepat bagi setiap soalan dalam bahagian ini.

Kedaulatan raja-raja Melayu termaktub dalam perkara 181 (1) iaitu kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Raja-Raja dan prerogatif kuasa dan bidang kuasa Pembesar-Pembesar Memerintah Negeri Sembilan di bawah wilayah-wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas. (Datuk Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Utusan Malaysia Online, 18/4/2018)

1. Penyataan di atas sangat berkait rapat dengan
 - A. kedaulatan watan
 - B. kedaulatan tanah air
 - C. kedudukan Raja-Raja Melayu
 - D. menjaga alat kebesaran diraja
2. Antara berikut **tepat** bagi menggambarkan Ahli Mesyuarat Kerajaan dalam pentadbiran British di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu?
 - i. Sultan
 - ii. Mufti
 - iii. Menteri Besar
 - iv. Penasihat British
 - A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas

Tarikh	Peristiwa
15 Februari 1942	Leftenan Jeneral A. E. Percival menyerah diri kepada Leftenan Jeneral Yamashita Tomoyuki di Singapura

3. Pilih pernyataan yang **tepat** mengenai pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu
 - i. Singapura dikenali sebagai *Syonan*
 - ii. Tanah Melayu dikenali sebagai *Malai Baru*
 - iii. Setiap negeri diketuai oleh Gabenor serta Majlis Penasihat
 - iv. Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis diserahkan kepada Thailand
 - A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas



Rajah 1

4. Berdasarkan Rajah 1 di atas, pernyataan berikut adalah tepat mengenai Malayan Union, **kecuali**

- A. diisytiharkan pada 1 April 1946
- B. Sir Henry Gurney sebagai Gabenor yang pertama
- C. perubahan taraf daripada negeri naungan kepada negeri jajahan
- D. Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, Negeri-Negeri Selat kecuali Singapura disatukan



Rajah 2

5. Berdasarkan Rajah 2 di atas, Ustaz Ahmad Hussain satu-satunya calon PAS yang memenangi kerusi kawasan _____ dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

- A. Krian
- B. Kota Bharu
- C. Johor Bharu
- D. Gunung Semanggol

1st. *Malaysia*.—Malaysia may be considered under five divisions, namely :—1. The Philippine Islands, of which Luzon and Mindanao are the principal. 2. The Moluccas, the principal of which are Gilolo, Ceram, and Amboyna. 3. Celebes. 4. Borneo, the largest island in the world, except Australia and Greenland. 5. The Sunda Islands, the principal of which are Timor, Java, Banca, and Sumatra. The traffic of these islands with the world is immense, as I shall presently adduce in the final

Rajah 3

6. Berdasarkan laporan akhbar *The Straits Times*, bertarikh 9 September 1851 dalam Rajah 3 di atas, nama Malaysia digunakan bagi menjurus kepada aspek
- politik
 - sejarah
 - ekonomi
 - Alam Melayu (geografi)
7. Penubuhan Malaysia ditentang kuat oleh Diasdodo Macapagal kerana
- Sabah sebahagian daripada Kesultanan Sulu
 - Kuala Lumpur bakal menguasai hasil minyak
 - permintaan menuntut 10 kerusi Parlimen tidak dipenuhi
 - Malaysia sebagai penjajahan bentuk baharu (neo-kolonialisme)
- Sabah, Sarawak dan Singapura telah mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia pada 16 September 1963
8. Berikut manakah **benar** berkaitan dengan tuntutan Sabah dan Sarawak diletakkan di bawah bidang kuasa negeri dan bukannya Persekutuan?
- Imigresen
 - Keselamatan dalam negeri
 - Pelantikan Yang Dipertua Negeri
 - Kedudukan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
- i dan ii
 - i dan iii
 - ii dan iii
 - iii dan iv



Rajah 4

9. Berdasarkan Rajah 4 di atas, mengapa Parlimen Malaysia sebulat suara mengeluarkan Singapura dari Malaysia pada 9 Ogos 1965?
- Demi memastikan keamanan negara
 - Demi mengatasi masalah pentadbiran
 - Demi mewujudkan keseimbangan ekonomi
 - Demi mengetatkan syarat kewarganegaraan
10. Antara berikut, pernyataan manakah **tepat** mengenai konsep ketertinggian Perlembagaan Malaysia?
- Perlembagaan Malaysia boleh dipinda
 - Perlembagaan Persekutuan diperkuuhkan melalui pembentukan Suruhanjaya Cobbold
 - Perlembagaan Malaysia memperakui semua undang-undang yang wujud di Sabah dan Sarawak sebelum Hari Merdeka
 - Kedudukan institusi perlembagaan lebih tinggi daripada badan pemerintah sama ada badan eksekutif, perundangan dan kehakiman
11. Perlembagaan Malaysia boleh dipinda atas tujuan berikut, **kecuali**
- melindungi kepentingan rakyat
 - mengawal ketenteraman negara
 - mengekalkan kelincinan pentadbiran negara
 - menjamin kehendak parti politik yang memerintah
- "Kerajaan tidak akan meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Pembasmian Diskriminasi Kaum (ICERD). Kerajaan akan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana dalamnya termaktub kontrak sosial yang dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini". (Pejabat Perdana Menteri, Berita Harian Online, 23/11/2018)
12. Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada
- Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan negara Malaysia
 - kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan
 - setiap warganegara berhak menganut dan mengamalkan agamanya
 - hak istimewa orang Melayu dan kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak

13. Pilih pernyataan yang **paling tepat** bagi menggambarkan pemberian kerakyatan Malaysia terhadap anak yang dilahirkan berdasarkan kes *jus sanguinis*
- Zainab dilahirkan di Kuala Terengganu manakala ibu bapanya adalah warganegara Thailand
 - Naqiuдин warganegara Malaysia memperoleh cahaya mata setelah isterinya melahirkan anak di sebuah hospital di London
 - Lily warganegara Indonesia melahirkan cahaya mata di sebuah hospital di Kuala Lumpur manakala suaminya warganegara Thailand
 - Hanif dilahirkan di Kanada memandangkan bapanya warganegara Kanada manakala ibunya berasal daripada Malaysia tetapi telah menukar kepada warganegara Kanada
14. Berikut ialah syarat-syarat yang harus dipenuhi bagi seseorang wanita bukan warganegara yang berkahwin dengan rakyat Malaysia serta ingin memperoleh kewarganegaraan, **kecuali**
- perkahwinannya sah di sisi undang-undang
 - ibu atau bapanya bermastautin tetap di Malaysia
 - berkelakuan baik dan berniat untuk bermastautin tetap
 - menetap di Malaysia sekurang-kurangnya dua tahun
15. Antara berikut pernyataan manakah **tepat** bagi menerangkan konsep Raja Berperlembagaan sebagaimana definisi perlumbagaan?
- Yang di-Pertuan Agong membentuk perlumbagaan setelah berunding dengan Raja Raja Melayu
 - Yang di-Pertuan Agong berhak melaksanakan segala peruntukan dalam perlumbagaan mengikut budi bicara baginda
 - Yang di-Pertuan Agong memerintah mengikut peruntukan dalam Perlumbagaan Persekutuan atas nasihat kerajaan atau kabinet
 - Yang di-Pertuan Agong berkuasa meminda peruntukan dan undang-undang yang termaktub dalam Perlumbagaan Persekutuan
- Pada 6 April 2017, Ahli Parlimen Marang membentangkan Rang Undang-Undang Persendirian Mahkamah Syariah (RUUP355) untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat.
16. Sekiranya RUUP355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) ingin dipinda dan diluluskan, bagaimakah prosedur yang perlu diambil sebagaimana amalan dalam Parlimen Malaysia?
- Bacaan Kali Pertama dan Kedua
 - Jawatankuasa Teknikal dan Bacaan Kali Ketiga
 - Bacaan kali Pertama, Kedua, Ketiga di Dewan Negara
 - Perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong
- i, ii, iii dan iv
 - ii, i, iii dan iv
 - iii, ii, i dan iv
 - i, ii, iv dan iii

"Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, memutuskan kemenangan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau pada Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu, batal dan tidak sah". (Berita Harian Online, 16/11/2018)

17. Berdasarkan perlembagaan serta Peraturan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, mana-mana individu yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya, boleh mengemukakan
- petisyen pilihan raya
 - rayuan di Mahkamah Tinggi
 - rayuan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya
 - protes kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya
18. Antara berikut, akta yang manakah di bawah **tepat** bagi membolehkan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di ambil tindakan sekiranya terlibat dalam mana-mana perhimpunan haram?
- Akta 12, 1969
 - Akta 30, 1971
 - Akta 174, 1976
 - Akta 777, 2016
- i dan ii
 - ii dan iii
 - i, iii dan iv
 - Semua di atas
19. Manakah di bawah **tepat** dengan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu (DUN) berkaitan dengan tegahan khalwat.
- Ordinan Darurat, 1948
 - Akta 355, Mahkamah Syariah, 1965
 - Rang Undang-Undang Persendirian Ahli Parlimen Marang, 2017
 - Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terengganu, (Pindaan) 2001

"Kerajaan bersetuju membuat pindaan dalam Perkara 1(2) Perlumbagaan Persekutuan bagi menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi dengan Semenanjung". (Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, Berita Harian Online, 8 Mac 2019)

20. Penyataan di atas berkait rapat dengan
- MA63
 - Suruhanjaya Cobbold
 - Perkara 20 Sabah dan 18 Sarawak
 - Tatacara mengeluarkan Sabah dan Sarawak daripada Malaysia

"Tindakan kerajaan menandatangani dokumen penyertaan sebagai negara ahli menimbulkan tiga persoalan besar; pertama dari segi implikasi ke atas Yang di-Pertuan Agong (YDPA) selaku Ketua Angkatan Tentera Malaysia; kedua dari segi tatacara penyertaan yang dilakukan dengan membelaangi raja-raja Melayu; ketiga daripada segi impak ke atas keupayaan total bagi melindungi wilayah dan kedaulatan negara". (Abdul Muein Abadi, Sinar Harian Online, 14 Mac 2019)

21. Penyataan di atas berkait rapat dengan

- A. Rom statut
- B. hak asasi manusia
- C. Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC)
- D. Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)

BIL	CALON	PARTI	UNDI
i	Datuk Seri Anwar Ibrahim	PH	31,016
ii	Leftenan Kolonel (B) Mohd. Nazari Mokhtar	PAS	7,456
iii	Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad	BEBAS	4,230
iv	Mohd. Saiful Bukhari Azlan	BEBAS	82
v	Stevie Chan Ken Leong	BEBAS	337
vi	Kan Chee Yuen	BEBAS	154
vii	Lau Seck Yan	BEBAS	214
	Jumlah Undi		43,489

Jadual 1: Keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Port Dickson

22. Berdasarkan Jadual I, keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Port Dickson di atas, calon manakah yang dikira hilang wang deposit sebagaimana peraturan SPR?

- A. iv dan vi
- B. iv, v, vi dan vii
- C. iii, iv, v, vi dan vii
- D. ii, iii, iv, v, vi dan vii

23. Antara pernyataan berikut, yang manakah **tidak benar** tentang jaminan hak asasi seperti terkandung dalam perlombagaan?

- A. Seseorang warganegara berhak menubuhkan persatuan
- B. Seseorang warganegara itu boleh dibuang negeri tanpa alasan
- C. Seseorang warganegara bebas bercakap dan mengemukakan pendapat
- D. Seseorang warganegara bebas bergerak di seluruh Semenanjung Malaysia

Menurut Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan, Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang ke atas sebarang perkara yang tidak disebutkan di dalam Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama

24. Penyataan di atas merujuk kepada
- kuasa baki perundangan
 - kuasa yang tidak tersenarai
 - kuasa tambahan kepada Dewan Undangan Negeri
 - kuasa yang dikhaskan kepada Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak
25. Penyataan manakah yang **tidak tepat** bagi menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara bercorak Persekutuan?
- Kerajaan Pusat berkuasa penuh
 - Kerajaan Pusat berkongsi kuasa
 - Kerajaan Pusat berkuasa membatalkan undang-undang
 - Kerajaan Pusat mempunyai kuasa autonomi dalam bidang-bidang tertentu
26. Pilih penyataan yang **benar** tentang amalan sistem demokrasi di Malaysia.
- Ketua kerajaan dipilih melalui pilihan raya
 - Mengamalkan sistem demokrasi berparlimen
 - Warganegara dijamin kebebasan bersuara dan menubuhkan parti politik
 - Parti politik yang mendapat undi lebih dua pertiga berhak membentuk kerajaan
- i, ii dan iii
 - i, ii dan iv
 - i, iii dan iv
 - ii, iii dan iv
27. Tugas-tugas utama Kabinet ialah
- menentukan dasar-dasar negara
 - menggubal dan meluluskan undang-undang kerajaan
 - melaksanakan pentadbiran kerajaan Persekutuan sepenuhnya
 - mengendalikan sebarang permasalahan yang melibatkan kepentingan negara dan rakyat
- i, ii dan iii
 - i, ii dan iv
 - ii, iii dan iv
 - i, iii dan iv

28. Yang manakah antara berikut **benar** berkenaan dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri?
- Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dilantik oleh Sultan/Yang Dipertua Negeri
 - Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) terdiri daripada 4 hingga 12 orang ahli Dewan Undangan Negeri
 - Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertanggungjawab merancang perkara-perkara yang tercatat dalam Senarai Persekutuan
 - Di Sabah, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dikenali sebagai Majlis Tertinggi, sementara di Sarawak dikenali sebagai Kabinet Negeri
- A. i dan ii
B. i dan iii
C. ii dan iv
D. iii dan iv
29. Siapakah yang menjalankan tugas sebagai setiausaha dalam Persidangan Majlis Raja-raja?
- A. Dato' Paduka Maharaja Lela
B. Dato' Pengelola Bijaya Diraja
C. Penyimpan Mohor Besar Raja-raja
D. Setiausaha sulit kepada Yang di-Pertuan Agong
30. Antara berikut, pernyataan manakah **benar** mengenai jawatan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)?
- A. Pemecatan hanya dilakukan oleh Perdana Menteri
B. Seorang pegawai kanan dalam perkhidmatan awam
C. Saraan ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam
D. Pelantikan dibuat selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja
31. Antara perkara berikut, yang manakah boleh menyebabkan seseorang hilang hak sebagai pengundi?
- Tidak mendaftar sebagai pemilih
 - Telah memperoleh taraf warganegara asing
 - Telah dijatuhkan hukuman mati mandatori
 - Tidak bermastautin di kawasan pilihan raya
- A. i dan ii
B. i dan iv
C. ii dan iii
D. Semua di atas

32. Antara pernyataan berikut, manakah **paling tepat** mengenai seseorang calon yang diisyiharkan sebagai pemenang dalam pilihan raya di Malaysia?
- Mendapat majoriti mudah
 - Mendapat majoriti mutlak
 - Mendapat kerusi terbanyak
 - Sistem *The first-past the post*
33. Pilih pernyataan yang **tepat** mengenai fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
- Menjalankan proses pilihan raya
 - Menguruskan pendaftaran pemilih
 - Menentukan calon-calon yang layak bertanding
 - Membatalkan keputusan pilihan raya kerana bantahan
- i dan ii
 - i dan iii
 - ii dan iv
 - iii dan iv
34. Seseorang warganegara yang layak mengundi perlu menggunakan hak mengundinya kerana
- memenuhi kuota bilangan rakyat sesuatu kawasan untuk mendapat kemudahan
 - cara mudah bagi kerajaan menentukan bilangan rakyat yang berumur 21 tahun ke atas
 - boleh menentukan kerajaan yang dibentuk betul-betul mencerminkan hasrat dan aspirasi rakyat
 - boleh dijadikan contoh kepada generasi-generasi baru susahnya untuk membina sebuah negara yang makmur
35. Situasi manakah yang **tepat** menggambarkan pencalonan bagi calon yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum menjadi tidak sah dan terbatal?
- Ali bertanding di DUN Seberang Takir Terengganu serta dalam masa yang sama bertanding di Parlimen Shah Alam
 - Bahaman bertanding di Parlimen Kubang Kerian serta dalam masa yang bertanding di Parlimen Johor Bharu
 - Calon dengan sebab tertentu tidak dapat hadir ke pusat penamaan calon sebaliknya pencadang dan penyokong telah hadir
 - Calon yang bertanding bagi kerusi DUN serta dalam masa yang sama bertanding kerusi Parlimen serta dilantik sebagai Menteri Besar

36. SPR membenarkan calon Bebas menggunakan lambang berikut dalam pilihan raya, iaitu

- i. ikan
 - ii. cincin
 - iii. burung
 - iv. cangkul
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. i, ii dan iii
D. Semua di atas

37. Berdasarkan peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya, bilakah manifesto parti-parti politik boleh diisyiharkan?

- A. Selepas penamaan calon
- B. Semasa penamaan calon
- C. Sebelum penamaan calon
- D. Setelah writ pilihan raya diumumkan

Malaysia adalah sebuah negara demokrasi berparlimen serta Raja Berperlembagaan

38. Antara keistimewaan Parlimen adalah

- i. Parlimen berhak untuk menggubal semua jenis undang-undang
 - ii. sebarang prosiding di Parlimen tidak boleh dipersoalkan di mahkamah
 - iii. ahlinya tidak boleh didakwa kerana menyiar maklumat-maklumat yang ditimbulkan dalam persidangan Parlimen
 - iv. hanya ahli Parlimen sahaja boleh berbincang perkara-perkara di bawah Akta Hasutan seperti hak istimewa orang Melayu
- A. i dan ii
B. i dan iv
C. ii dan iii
D. iii dan iv

39. Kelayakan seorang ahli Parlimen akan hilang sekiranya beliau

- i. diisyiharkan muflis
 - ii. didapati tidak sempurna akal
 - iii. dihukum penjara enam bulan
 - iv. didenda sebanyak RM2,000 atau lebih
- A. i dan ii
B. i dan iv
C. ii dan iii
D. Semua di atas

40. Manakah antara berikut, tindakan paling **tepat** untuk memecat seorang Menteri Besar?
- A. Usul undi tidak percaya serta mendapat majoriti ahli DUN
 - B. Yang di-Pertuan Agong mengarahkan beliau meletak jawatan
 - C. Sultan/ Yang Dipertua Negeri mengarahkan beliau meletak jawatan
 - D. Speaker DUN menggunakan kuasanya untuk memecat Menteri Besar
41. Penyataan berikut **tepat** berkaitan dengan kedudukan ahli Dewan Negara:
- i. Berumur 30 tahun ke atas
 - ii. dua orang wakil disyorkan namanya oleh DUN setiap negeri
 - iii. Yang Dipertua Dewan Negara sekarang adalah Tan Sri Vigneswaran
 - iv. 40 orang individu yang banyak berjasa dilantik oleh Kerajaan Persekutuan
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. iii dan iv
 - D. Semua di atas
42. Berikut merupakan kuasa yang ada pada Dewan Undangan Negeri:
- i. Berkuasa untuk melucutkan jawatan Menteri Besar atau Ketua Menteri
 - ii. Berkuasa meluluskan undang-undang berkaitan perkara yang tercatat dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama
 - iii. Parlimen menurunkan kuasanya pada Dewan Undangan Negeri di mana Dewan Undangan Negeri boleh meluluskan undang-undang yang tercatat dalam Senarai Persekutuan
 - iv. Berkuasa untuk meluluskan undang-undang dalam Senarai Persekutuan selagi tidak bercanggah dengan undang-undang yang dibuat oleh Parlimen
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. ii dan iv
 - D. iii dan iv
43. Sekiranya berlaku percanggahan undang-undang antara Negeri dengan Persekutuan
- A. undang-undang Persekutuan akan digunakan sepenuhnya
 - B. undang-undang Negeri akan terbatal setakat yang bercanggah dengan Persekutuan sahaja
 - C. kedua-dua undang-undang tersebut akan digunakan mengikut kesesuaian negeri tersebut
 - D. undang-undang Negeri akan digunakan untuk negeri tersebut sahaja, undang-undang Persekutuan tidak dipakai

44. Badan kehakiman di Malaysia berfungsi untuk

- i. memelihara hak-hak istimewa orang Melayu
- ii. menyelesaikan pertikaian antara individu dengan individu atau individu dengan kerajaan
- iii. mengesahkan undang-undang dan membatalkan undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan
- iv. mentafsir undang-undang dan mengisyiharkan sesuatu undang-undang itu tidak sah sekiranya bercanggah dengan undang-undang Persekutuan

A. i, ii dan iii

B. i, ii dan iv

C. i, iii dan iv

D. ii, iii dan iv

45. Undang-undang keluarga Islam di Malaysia ditadbir mengikut

A. Akta Agama Islam

B. Perlembagaan Negeri

C. Perlembagaan Persekutuan

D. Ordinan atau Enakmen Negeri

46. Kebebasan kehakiman merujuk kepada

A. para hakim mentadbir keadilan tanpa rasa takut

B. para hakim boleh didakwa atas keputusan yang dibuat

C. para hakim membuat apa sahaja keputusan yang mereka suka

D. para hakim tidak boleh dilucutkan jawatannya oleh mana-mana pihak

- Pertikaian antara pekerja dengan majikan
- Isu-isu dalam kesatuan sekerja

47. Penyataan di atas merujuk kepada bidang kuasa mahkamah berikut:

A. Mahkamah Khas

B. Mahkamah Buruh

C. Mahkamah Majistret

D. Mahkamah Perusahaan

48. Yang dimaksudkan dengan Mahkamah Awam ialah

- i. mahkamah terbuka di mana orang ramai boleh mengikuti perjalanan perbicaraan yang sedang dijalankan
- ii. terdiri daripada Mahkamah Atasan, Mahkamah Rendah dan juga mahkamah-mahkamah khas yang lain
- iii. semua kes sivil dan jenayah yang berkaitan dengan dan terhad setakat mana yang diperuntukan sahaja
- iv. membicarakan semua kes sivil dan jenayah yang melibatkan orang-orang Islam

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iv
- D. iii dan iv

i	Mahkamah Persekutuan	x	Mengadakan ulang bicara tentang kes-kes rayuan daripada mahkamah rendah
ii	Mahkamah Rayuan	y	Mengendalikan kes-kes perselisihan faham antara satu kerajaan negeri dengan negeri yang lain
iii	Mahkamah Tinggi	z	Mendengar kes rayuan daripada Makamah Majistret yang berkaitan dengan tafsiran undang-undang

Jadual 2

49. Berdasarkan pada maklumat di Jadual 2 di atas, sesuaikan jenis-jenis mahkamah i, ii dan iii dengan bidang kuasa di x, y dan z.

	i	ii	iii
A.	y	x	z
B.	x	y	z
C.	z	x	y
D.	y	z	x

50. Perbicaraan kes sivil Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak dibicarakan oleh

- A. Hakim Mahkamah Tinggi
- B. Hakim Mahkamah Juvana
- C. Hakim Mahkamah Sesyen
- D. Hakim Mahkamah Majistret

51. Penyataan berikut benar berkaitan dengan peranan Jabatan Perdana Menteri, **kecuali**

- A. melaksanakan dasar yang ditentukan oleh Menteri
- B. merancang dan menyelaras semua dasar negara yang ditetapkan
- C. kementerian paling tinggi dalam pentadbiran kerajaan Persekutuan
- D. menentukan dasar kerajaan berjalan lancar menerusi fungsi kementerian

52. Antara jawatan berikut, yang manakah bertaraf *ex-officio* peringkat negeri?

- i. Pegawai Ekonomi Negeri
- ii. Pegawai Kewangan Negeri
- iii. Setiausaha Kerajaan Negeri
- iv. Penasihat Undang-Undang Negeri

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

53. Antara pernyataan berikut yang manakah paling **tepat** bagi menggambarkan sistem pentadbiran di Kelantan, Sabah dan Sarawak?

	Kelantan	Sabah	Sarawak
A	EXCO	Menteri Kabinet Sabah	Majlis Tertinggi/ Menteri Muda
B	Menteri Besar	Ketua Menteri	Menteri Kabinet
C	Jajahan	Rasidensi	Daerah
D	Sultan	Tuan Yang Terutama	Yang Dipertuan Besar

54. Antara berikut, suruhanjaya manakah yang ditubuhkan untuk melantik ke perkhidmatan kerajaan?

- i. Majlis Angkatan Tentera
- ii. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- iii. Kesatuan Perkhidmatan Keguruan Kebangsaan
- iv. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

55. Kerajaan tempatan merupakan kerajaan yang berasingan memandangkan ia mempunyai kuasa-kuasa tertentu. Antara kuasa kerajaan tempatan adalah

- i. mengutip cukai tanah
- ii. membuat undang-undang kecil
- iii. memilih dan melantik Ahli Majlis Kerajaan Tempatan
- iv. menubuhkan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan

- A. i dan iii
- B. ii dan iii
- C. iii dan iv
- D. i dan iv

56. Berikut merupakan fungsi jabatan di peringkat negeri, **kecuali**

- A. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertanggungjawab kepada Menteri Besar
- B. Pejabat Penasihat Undang-Undang memberikan nasihat berkaitan undang kepada kerajaan negeri serta agensi negeri
- C. Pejabat Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab merancang dan melaksanakan perkara yang berkaitan dengan kewangan serta belanjawan negeri
- D. Unit Perancangan Ekonomi Negeri bertanggungjawab merancang dan menyelaras program pembangunan negeri serta menasihati kerajaan negeri dalam hal ehwal ekonomi

- Badan pemerintah negara
- Diketuai oleh Perdana Menteri
- Bertanggungjawab secara kolektif kepada Parlimen

57. Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Kabinet
- B. Pejabat Menteri Besar
- C. Pejabat Perdana Menteri
- D. Majlis Mesyuarat Kerajaan

58. Antara penyataan berikut, yang manakah **benar** tentang struktur dan peranan sesebuah kementerian?

- i. Kementerian diketuai seorang Menteri
 - ii. Agensi pentadbiran tertinggi dalam jentera pentadbiran negara
 - iii. Pegawai pentadbir utama sesebuah kementerian ialah Ketua Pengarah
 - iv. Fungsi penting setiap kementerian adalah untuk mengawasi pelaksanaan program-program oleh agensi-agensi pelaksana
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. ii dan iv
 - D. iii dan iv

- Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- DRB-HICOM
- Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT)

59. Petikan di atas merujuk kepada

- A. badan berkanun
- B. perbadanan awam
- C. badan tidak berkanun
- D. pihak berkuasa tempatan

60. Antara pernyataan berikut, yang manakah **tidak benar** tentang pihak berkuasa tempatan?

- A. Kerajaan Tempatan terletak di bawah kuasa perkara Negeri
- B. Ahli-ahli Majlis dilantik bagi tempoh tiga tahun oleh Kerajaan Negeri
- C. Terdiri daripada Dewan/Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah
- D. Berkuasa mengadakan kumpulan wang Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalannya

61. Antara pernyataan berikut, yang manakah sumber utama pendapatan kerajaan negeri Perlis?

- i. Hasil petroleum
 - ii. Sumber hasil dalam negeri
 - iii. Pinjaman dari luar negara
 - iv. Geran Kerajaan Persekutuan
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. ii dan iv
 - D. Semua di atas

Kesultanan Sulu masih menuntut hak terhadap Sabah sekalipun badan PBB melalui Suruhanjaya Cobbold telah pun mengadakan pungutan suara pada tahun 1962 iaitu penduduk Sabah dan Sarawak bersetuju untuk merdeka melalui pembentukan Malaysia

62. Prinsip Rukun Negara yang manakah berkaitan dengan teks di atas?

- A. Keluhuran perlembagaan
- B. Kepercayaan kepada Tuhan
- C. Kedaulatan undang-undang
- D. Kesetiaan kepada raja dan negara

63. Penyataan berikut berkaitan dengan kepentingan semangat patriotisme, **kecuali**

- A. kekurangan pengetahuan sejarah
- B. pengaruh budaya global meluntukan budaya ketimuran
- C. nilai-nilai kolektif dalam kalangan penduduk semakin berkurang
- D. semangat orang Melayu untuk mempertahankan hak istimewa Melayu semakin berkurangan

64. Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) ditubuhkan di Terengganu bertujuan untuk

- A. memberi peluang kepada ahli-ahli politik peringkat cawangan mentadbir kampung
- B. memberi peluang kepada penduduk kampung mengawal keselamatan kampung
- C. memberi kemudahan kepada penduduk kampung membuat tuntutan terhadap projek-projek pembangunan
- D. memberi peluang kepada penduduk kampung merancang dan melaksanakan projek pembangunan

- Lelaki atau wanita yang menjadi ketua keluarga dan bekerja di Malaysia dengan jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah RM 4000 dan ke bawah

65. Bantuan yang diperkenalkan kerajaan adalah
- Bantuan Sara Hidup
 - Bantuan Rakyat 1 Malaysia
 - Bantuan Wang Amanah Pelajar Miskin
 - Bantuan Bencana Buangan Sisa Kimia
66. Antara berikut, yang manakah **kurang tepat** berkaitan dengan kumpulan berpendapatan terendah (B40) sebagaimana yang diumumkan kerajaan?
- Mewujudkan kerjasama antara kerajaan
 - Memindahkan harta kerajaan kepada pihak swasta
 - Mengimbangkan pendapatan kerajaan dengan swasta
 - Mengagihkan tanggungjawab sosial kerajaan kepada swasta
67. Pernyataan berikut adalah benar tentang Dasar Sains dan Teknologi Negara **kecuali**
- meneroka potensi menghantar angkasawan ke angkasa lepas
 - menubuhkan pusat pengumpulan maklumat sains dan teknologi
 - menumpukan kepada pembangunan, keselamatan dan kesejahteraan sosial rakyat
 - penyelidikan dan pembangunan (P&P) diberi tumpuan memajukan bidang pertanian, pembangunan infrastruktur, pelaburan asing dan lain-lain
- Menjamin perkongsian antara lelaki dengan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat
 - Mengukuhkan lagi jentera kerajaan
 - Mengatasi masalah diskriminasi dan menggalakkan tindakan yang lebih positif
67. Pernyataan di atas merujuk kepada dasar
- Dasar Belia Negara
 - Dasar Sosial Negara
 - Dasar Wanita Negara
 - Dasar Kebudayaan Kebangsaan
69. Antara pernyataan berikut, yang manakah **tidak benar** tentang Dasar Kependudukan Malaysia?
- Berhasrat mencapai 70 juta orang penduduk pada akhir abad ke-21
 - Kerajaan menyediakan pelbagai insentif untuk menggalakkan kelahiran
 - Bilangan penduduk Malaysia adalah kecil berbanding keluasan kawasan
 - Merupakan modal asas dalam perkembangan ekonomi dan sosial negara
- i dan ii
 - ii dan iii
 - i, ii dan iii
 - Semua di atas

- Menetapkan sembilan nilai teras negara perlu dipertahankan
- Disemak sekurang-kurangnya tiga tahun sekali
- Menjadikan Malaysia bebas daripada segala bentuk ancaman fizikal atau bukan fizikal


70. Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Dasar Kesihatan Remaja
- B. Dasar Keselamatan Negara
- C. Dasar Kesejahteraan Negara
- D. Dasar Transformasi Nasional (TN50)

Pengembangan dan penghasilan kebolehan dan bakat individu atau berkumpulan berasaskan kreativiti, inovasi dan teknologi yang menjurus kepada sumber keberhasilan ekonomi dan pendapatan tinggi kepada negara dengan memberi penekanan kepada aspek karya dan hak cipta intelek selaras dengan budaya dan nilai-nilai murni kepelbagaiannya kaum di Malaysia.

71. Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Dasar Perfileman Negara
- B. Dasar Industri Kreatif Negara
- C. Dasar Industri Muzik dan Hiburan Negara
- D. Dasar Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan



Rajah 5

72. Manakah antara penyataan berikut **kurang tepat** berkaitan Revolusi Industri 4.0

- A. Kerja-kerja seharian menjadi lebih mudah
- B. Mengikuti kelas *industrial talk* di bilik kuliah
- C. Mesin menggantikan kerja-kerja yang dilakukan manusia
- D. Semangat kerjasama serta tolong menolong semakin berkurangan

73. Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai Dasar Luar Malaysia.

- i. Dasar Luar Malaysia dikawal sepenuhnya oleh Perdana Menteri dan dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri
 - ii. Malaysia mengamalkan Dasar Berkecuali dengan mengutamakan hubungan dengan negara Amerika Syarikat
 - iii. Malaysia berpegang teguh kepada Prinsip-prinsip Piagam PBB dalam hubungannya dengan negara luar
 - iv. Kepentingan nasional merupakan faktor utama penentu Dasar Luar Malaysia
- A. i dan ii
B. ii dan iv
C. iii dan iv
D. i dan iv

"Kabinet memutuskan menarik balik anggota tentera Malaysia yang ditempatkan di Arab Saudi bagi mengelakkan mereka terlibat dalam peperangan pakatan negara Arab pimpinan Arab Saudi terhadap Yaman sejak 2015" (Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, Sinar Harian 31/7/2018)

74. Pernyataan di atas merujuk kepada penglibatan Malaysia dalam

- A. *North Atlantic Treaty Organization (NATO)*
- B. *The Organisation of Islamic Cooperation (OIC)*
- C. Pengaman Batalion Malaysia 850-6 (MALBATT850-6)
- D. *The Islamic Military Counter Terrorism Coalition (IMCTC)*

75. Pernyataan yang manakah **tepat** mengenai keputusan *International Court of Justice* (ICJ) terhadap keputusan isu Pulau Sipadan-Ligitan yang menjadi pertikaian antara Malaysia dan Indonesia?

- i. Malaysia dan Indonesia berhak ke atas kedaulatan kedua-dua buah pulau
 - ii. ICJ memberikan hak pemilikan ke atas kedua-dua buah pulau kepada Malaysia dengan undian 16-1
 - iii. Malaysia berhak menduduki beberapa kawasan yang mempunyai minyak di Ambalat
 - iv. Malaysia mendapat Sipadan manakala Pulau Ligitan diberikan kepada Indonesia
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. iii dan iv
D. i dan iv

76. Pilih maklumat yang **tepat** mengenai status Kepulauan Spratly:

- i. Berada di Lautan Pasifik
 - ii. Simpanan minyak keempat terbesar di dunia
 - iii. Mempunyai keluasan 244,700 kilometer persegi
 - iv. 230 buah pulau serta daratan seluas 3 kilometer persegi
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. iii dan iv
D. ii, iii dan iv

"New Zealand attack: victims of the mosque massacre. At least 50 died after gunman opened fire during Friday prayers at two mosques in Christchurch". (The Guardian Online, 18/3/2019)

77. Agensi manakah paling **tepat** bagi penduduk negara ini mendapatkan maklumat sahih sekiranya berlaku permasalahan yang membabitkan rakyat Malaysia di luar negara

- A. Putrajaya
B. Wisma Putra
C. Menteri Dalam Negeri
D. Kedutaan Malaysia luar negara

78. Antara berikut yang manakah **tepat** mengenai Akta dan Protokol Malaysia dalam menguatkuasakan peraturan pemerdagangan manusia

- i. Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 (Akta 670)
 - ii. Protokol Mencegah, Membendung dan Menghukum Pemerdagangan Orang khususnya Wanita dan Kanak-kanak
 - iii. Protokol Menentang Penyaludutan Manusia Melalui Darat, Laut dan Udara
 - iv. Konvensyen PBB menentang Jenayah Merentasi Sempadan atau *United Nations Convention Against Transnational Organized Crime* (UNTOC)
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. iii dan iv
D. Semua di atas



Rajah 6

79. Berdasarkan Rajah 6, pernyataan manakah di bawah **tepat** mengenai keputusan ICJ terhadap Pulau Batu Puteh yang menjadi pertikaian antara Malaysia dan Singapura?
- i. Perundingan Malaysia-Singapura bagi Tebing Selatan (*South Ledge*)
 - ii. Malaysia mempunyai hak ke atas Pulau Batuan Tengah (*Middle Rock*)
 - iii. Singapura mempunyai kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh (*Pedra Branca*)
 - iv. Nelayan Malaysia bebas menjalankan kegiatan penangkapan ikan di perairan Pulau Batuan Tengah (*Middle Rock*) dan Tebing Selatan (*South Ledge*)
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. iii dan iv
D. Semua di atas
80. Anak Malaysia yang berasal dari Kuala Krai, Kelantan, Zang Toi berjaya menempa nama di New York dalam bidang
- A. penerbit filem
 - B. pereka fesyen
 - C. ahli perniagaan
 - D. pensyarah Universiti Oxford

Kertas Soalan Tamat